



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN  
SKIM DANA *LIVING LAB*  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TAHUN 2023**

**Pusat Pengurusan Penyelidikan**

Kompleks Penyelidikan, Jalan UMS

88400, Kota Kinabalu, Sabah

Tel: 088-320 000 samb. 6138010 | Faks: 088-320 127

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
1.0	BAHAGIAN 1 : PENGENALAN	3
1.1	Latar Belakang	3
1.2	Tempoh	3
1.3	Tujuan	3
1.4	Ciri-ciri Utama Penyelidikan di bawah Skim Dana <i>Living Lab3</i>	
2.0	BAHAGIAN 2 : PERMOHONAN	4
2.1	Syarat-syarat Permohonan	4
2.2	Prosedur Permohonan	4
2.3	Kriteria Penilaian	5
2.4	Peraturan Kewangan	5
2.5	Hasil Penyelidikan	6
2.6	Pengumuman Tarikh Buka Dan Tutup Permohonan	7
3.0	BAHAGIAN 3 : PENILAIAN	7
3.1	Penilaian Skim Dana <i>Living Lab</i> UMS	7
4.0	BAHAGIAN 4 : PEMANTAUAN	8
4.1	Implementasi Projek	8
4.2	Laporan Kemajuan	9
4.3	Jawatankuasa Pemantauan Khas (JPK)	9
4.4	Laporan Akhir	9
4.5	Pengawalan Dan Penalti	9
5.0	BAHAGIAN 5 : LAIN-LAIN	10
5.1	Pengesahan oleh Dekan/Pengarah	10
5.2	Pertukaran Ketua Projek/Pertambahan dan Penguguran Ahli Projek	10
5.3	Pengecualian	10

## **BAHAGIAN 1: PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang**

Skim Dana *Living Lab (Laboratory)* Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan skim dana penyelidikan yang diwujudkan khusus untuk menyokong projek penyelidikan yang melaksanakan inisiatif makmal hidup (*living lab*) untuk membantu negeri Sabah sebagai peneraju masyarakat berinovatif.

### **1.2 Definisi Operasi**

Skim Dana *Living Lab* Universiti Malaysia Sabah adalah sebuah program dana penyelidikan UMS dengan tujuan menyokong projek penyelidikan yang menggabungkan inisiatif makmal hidup (*living lab*) di Sabah. *Living lab* ini bertujuan untuk membantu Sabah menjadi peneraju dalam masyarakat berinovatif dengan melaksanakan projek-projek penyelidikan yang berfokus pada penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian, seperti pembangunan bandar pintar, kesihatan, dan sumber daya alam. Dana ini memberikan sokongan kepada penyelidik untuk mengembangkan projek-projek inovatif dan mempercepat pembangunan Sabah di samping memperkukuhkan hubungan antara UMS dengan entiti luar termasuklah badan kerajaan, industri dan masyarakat tempatan

### **1.3 Tempoh Penyelidikan**

Skim ini merupakan geran penyelidikan menggunakan dana dari sumber dalaman UMS untuk tempoh penyelidikan tidak melebihi dua (2) tahun.

### **1.4 Tujuan**

Skim yang diwujudkan untuk menyokong inisiatif makmal hidup (*Living Lab*) ini dilihat sebagai usaha murni UMS dalam menekankan pendekatan inovasi sosial di mana masyarakat menjalani proses penyelesaian masalah seiring dengan pelan pembangunan Sabah Maju Jaya 2021-2025 di bawah aspek modal insan dan kesejahteraan rakyat.

### **1.5 Ciri-Ciri Utama Penyelidikan di bawah Skim Dana *LivingLab***

Penyelidikan yang dibiayai di bawah Skim Dana *Living Lab* ini adalah berdasarkan kepada:

- 1.5.1 Keutamaan dalam menjalankan penyelidikan berfokus bagi negeri Sabah yang menekankan pendekatan inovasi sosial di mana masyarakat menjalani proses penyelesaian masalah; dan
- 1.5.2 Proses penyelesaian masalah ini melibatkan kerjasama pakar-pakar UMS dan pemegang taruh yang relevan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat; dan
- 1.5.3 Penyelidikan/prototaip yang merangkumi isu-isu dan memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan/sains sosial bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan sejagat; dan

1.5.4 Pendekatan adalah secara transformatif dan *living lab* adalah berpusat di tempat-tempat strategik dalam komuniti atau masyarakat terpilih.

## **BAHAGIAN 2: PERMOHONAN**

### **2.1 Syarat-syarat Permohonan**

- 2.1.1** Skim ini terbuka kepada pensyarah UMS DS/DU Gred 51/52 dan ke atas sahaja.
- 2.1.2** Ketua penyelidik (PI) hendaklah berjawatan tetap/kontrak.
- 2.1.3** Penyelidik bersama dari luar UMS (jika ada) boleh dinamakan dari kalangan institusi/industri/swasta/agensi kerajaan/antarabangsa.
- 2.1.4** Guru Bahasa Kanan Gred DG 44 ke atas boleh dinamakan sebagai ahli penyelidik sahaja.
- 2.1.5** Pemohon hanya dibolehkan mengetuai satu (1) penyelidikan Skim Dana *Living Lab* UMS pada satu-satu masa sahaja.
- 2.1.6** Siling peruntukan untuk skim ini adalah berdasarkan peruntukan dana tahunan yang diterima. Pengumuman siling akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
- 2.1.7** Tempoh projek maksima adalah selama dua (2) tahun dan tiada pelanjutan dibenarkan untuk geran penyelidikan dana ini. Namun, pelanjutan hanya boleh dipertimbangkan sekiranya mendapat sokongan dari Jawatankuasa Pemantau Khas dan kelulusan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi.
- 2.1.8** Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan cuti sabatikal (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan menjadi Ketua Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 2.1.9** Ketua Projek yang berpindah universiti, cuti belajar dan cuti sabatikal (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) hendaklah melepaskan kedudukannya sebagai Ketua Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.
- 2.1.10** Kelulusan Jawatankuasa Etika Manusia/Haiwan UMS (jika berkaitan) perlu disertakan bersama Laporan Kemajuan Pertama.

## 2.1 Prosedur Permohonan

- 2.1.1** Permohonan Skim Dana *Living Lab* adalah melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) dan Ketua Penyelidik yang memohon hendaklah mendapat kebenaran Ketua *Living Lab*. Pemakluman permohonan hendaklah dibuat kepada Dekan/Pengarah FAPI Ketua Penyelidik tersebut.
- 2.1.2** Jawatankuasa Panel Penilai permohonan Skim Dana *Living Lab* akan dijemput untuk menilai kertas kerja permohonan dana penyelidikan. Jawatankuasa ini adalah terdiri dari:
- (i) Pengerusi: Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi
  - (ii) Ahli: 5 orang
    - Pengarah atau wakil Pusat Ecocampus
    - Pengarah atau wakil PPP
    - Pegawai Kewangan dari Jabatan Bendahari UMS
    - Ahli penilai UMS yang berjawatan Profesor Madya dan ke atas
    - Setiausaha: pegawai gred 29 ke atas
- 2.1.3** Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Penilai dijadikan sebagai pengesahan untuk kelulusan permohonan dana dan disertakan dengan minit perbincangan tersebut.
- 2.1.4** Surat tawaran pemberian Skim Dana *Living Lab* akan dikeluarkan oleh PPP kepada ketua penyelidik.
- 2.1.5** Ketua penyelidik dikehendaki mengisi permohonan Skim Dana *Living Lab* secara atas talian melalui sistem pengurusan Penyelidikan & Inovasi dan memuat naik surat tawaran sebagai dokumen sokongan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Kegagalan mengisi permohonan dana melalui sistem pengurusan Penyelidikan & Inovasi dalam tempoh ini akan menyebabkan kelulusan permohonan boleh ditarik balik.
- 2.1.6** Ketua penyelidik adalah bertanggungjawab untuk membuka akaun amanah dana penyelidikan dan urusan tadbir urus kewangan dana adalah di bawah tanggungjawab FAPI ketua penyelidik tersebut.

## 2.2 Kriteria Penilaian

Penyelidikan yang dipohon mestilah memenuhi salah satu atau gabungan kriteria di bawah:

- 2.2.1** Keutamaan dalam menjalankan penyelidikan berfokus bagi negeri Sabah yang menekankan pendekatan inovasi sosial di mana masyarakat menjalani proses penyelesaian masalah; dan
- 2.2.2** Proses penyelesaian masalah ini melibatkan kerjasama pakar-pakar UMS dan pemegang taruh yang relevan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat; dan

**2.2.3** Penyelidikan/prototaip yang merangkumi isu-isu dan memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan/sains sosial bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan sejagat; dan

**2.2.4** Pendekatan adalah secara transformatif dan living lab adalah berpusat di tempat-tempat strategik dalam komuniti atau masyarakat terpilih.

## **2.3 Peraturan Kewangan**

**2.3.1** Agihan peruntukan yang diluluskan adalah disalurkan mengikut agihan berikut:

- (i) Agihan pertama dalam tahun pertama : 70%
- (ii) Agihan kedua dalam tahun kedua: 30%

Kesemua perbelanjaan di bawah skim dana ini hendaklah dibuat mengikut peraturan kewangan universiti dan peraturan-peraturan lain yang sedang berkuatkuasa.

Kegagalan membelanjakan lebih dari 50% jumlah peruntukan yang diluluskan dalam tahun pertama akan menyebabkan baki dana ditarik balik dan berdepan risiko projek ditamatkan. Kesemua peruntukan yang diluluskan hendaklah dibelanjakan dalam tempoh dua tahun.

**2.3.2** Peruntukan yang diluluskan perlu digunakan mengikut syarat-syarat berikut:

**Vot 11000 - Gaji dan Upah**

- i. Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mod penyelidikan sepenuh masa.
- ii. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,500 untuk pelajar Ph.D dan RM2,000 untuk pelajar sarjana.

**Vot 21000 - Perbelanjaan Perjalanan dan Sara hidup**

- i. Jumlah peruntukan di bawah vot ini adalah tidak melebihi 40% daripada jumlah kelulusan peruntukan.
- ii. Penggunaan untuk perjalanan menghadiri persidangan tidak melebihi 20% daripada jumlah kelulusan geran.

**Vot 24000 - Sewaan**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

**Vot 27000 - Bekalan dan Bahan-bahan lain**

Peruntukan hanya boleh digunakan untuk pembelian bahan pakai habis dan perjalanan domestik yang berkait langsung dengan projek dan keperluan-keperluan yang berkaitan.

**Vot 28000 - Penyelenggaraan**

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos

penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung oleh geran ini.

**Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas**

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

**Vot 35000 - Aksesori dan Peralatan**

Pembelian aset di bawah **Vot 35000** tidak melebihi 40% daripada keseluruhan peruntukan. Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

- 2.3.3** Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi, peralatan pejabat dan perkakasan seperti workstation, laptop, iPad, hand phone, printer, stationery serta apa-apa pembelian yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.
- 2.3.4** Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut peraturan kewangan yang digunapakai di Universiti Malaysia Sabah.
- 2.3.5** Prosedur pembelian serta penggunaan wang penyelidikan harus mematuhi peraturan kewangan serta pekeliling kewangan yang digunapakai di Universiti Malaysia Sabah.

## 2.1 Hasil Penyelidikan

### 2.1.1 Bakat

Setiap projek penyelidikan yang dipohon disyaratkan untuk menghasilkan bakat sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa. Bagi peruntukan yang tidak melebihi siling RM50,000 adalah tidak disyaratkan untuk menghasilkan bakat Ijazah Sarjana.

### 2.1.2 Penerbitan

Semua permohonan Skim Dana *Living Lab* hendaklah menghasilkan jumlah penerbitan seperti berikut dalam tempoh dua tahun dari tarikh surat tawaran dana dikeluarkan (jadual di bawah):

Bidang Sains		Bidang Sains Sosial	
<i>Jumlah dana yang dipohon</i>	<i>KPI Penerbitan</i>	<i>Jumlah dana yang dipohon</i>	<i>KPI Penerbitan</i>
RM 50,000 ke bawah	Satu (1) WoS/Scopus	RM 50,000 ke bawah	Satu (1) WoS/Scopus/ERA
>RM 50,000 – RM 100,000	Dua (2) WoS/Scopus	>RM 50,000 – RM 100,000	Dua (2) WoS/Scopus/ERA
>RM 100,000 – RM 150,000	Tiga (3) WoS/Scopus	>RM 100,000 – RM 150,000	Tiga (3) WoS/Scopus/ERA
>RM 150,000 – RM 200,000	Empat (4) WoS/Scopus	>RM 150,000 – RM 200,000	Empat (4) WoS/Scopus/ERA

### 2.1.3 Perjanjian Penyelidikan

Setiap projek penyelidikan sekiranya tidak berjaya memenuhi kriteria penerbitan (2.5.2) sebagai hasil penyelidikan adalah dikehendaki mengadakan perjanjian penyelidikan dengan entiti luar dan membawa masuk sejumlah dana ke dalam UMS. Nilai minimum dana luar yang perlu diperoleh hendaklah sekurang-kurangnya sama atau lebih berbanding dengan jumlah dana penyelidikan yang diperoleh dari permohonan Skim Dana *Living Lab*. Dana luar ini hendaklah diperoleh dalam bentuk *monetary* dan bukan secara *in-kind*.

### 2.1.4 Harta Intelekt

- i. Hasil karya dan inovasi yang mempunyai potensi dan perlu dilindungi hendaklah didaftarkan sebagai harta intelek.
- ii. Semua pendaftaran harta intelek hendaklah dibuat melalui Pusat Pengurusan Inovasi & Pengkomersialan dan menjadi hak milik UMS.



### **2.1.5 Kertas Kerja Permohonan Dana dari Sumber Luar**

- i. Dalam tempoh setahun, ketua penyelidik dikehendaki untuk menghantar kertas kerja permohonan dana penyelidikan dari sumber luar yang berkait rapat dengan kertas cadangan penyelidikan yang dihantar untuk permohonan Skim Dana *Living Lab* ini.
- ii. Pembuktian penghantaran kertas kerja permohonan dana penyelidikan dari sumber luar hendaklah dimuat naik ke dalam sistem pengurusan Penyelidikan & Inovasi sebagai laporan akhir.

## **2.2 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan**

Tawaran permohonan skim ini dibuka sepanjang masa berdasarkan kepada isu-isu semasa.

## **BAHAGIAN 3: PENILAIAN**

### **3.1 Penilaian Skim Dana *Living Lab* UMS**

- 3.1.1 Jawatankuasa Panel Penilai permohonan Skim Dana *Living Lab* akan dijemput untuk menilai kertas kerja permohonan dana penyelidikan. Jawatankuasa ini adalah terdiri dari:
  - (i) Pengerusi: Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi atau wakil
  - (ii) Ahli: 5 orang
    - Pengarah atau wakil Pusat Ecocampus
    - Pengarah atau wakil PPP
    - Pegawai Kewangan dari Jabatan Bendahari UMS
    - Ahli penilai UMS yang berjawatan Profesor Madya dan ke atas
    - Setiausaha: pegawai gred 29 ke atas
- 3.1.2 Panel Penilai daripada luar UMS (Industri/IPTA/IPTS) boleh dilantik sekiranya kepakaran yang berkaitan diperlukan.
- 3.1.3 Penilaian oleh Panel Penilai UMS adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan UMS yang berkaitan.

## **BAHAGIAN 4: PEMANTAUAN**

### **4.1 Implementasi Projek**

- 4.1.1 Laporan pemantauan yang dikemukakan akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemantau Khas (JPK).
- 4.1.2 Pemantauan dilaksanakan melalui penghantaran Laporan Kemajuan dalam

sistem pengurusan Penyelidikan & Inovasi seperti berikut:

1. Tempoh penghantaran : Enam (6) bulan iaitu dua (2) kali setahun
2. Projek satu (1) tahun : Sekiranya *milestone* tidak dicapai dalam tempoh enam (6) bulan pertama, penamatan boleh dicadangkan oleh JPK
3. Projek dua (2) tahun : Sekiranya *milestone* tidak dicapai dalam tempoh satu (1) tahun pertama, penamatan boleh dicadangkan oleh JPK

4.1.3 Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Dana *Living Lab* UMS akan dipantau oleh dari aspek:

- (i) Prestasi projek oleh Pusat Ecocampus
- (ii) Prestasi kewangan oleh PPP

4.1.4 Ketua Penyelidik dikehendaki membenteng sekiranya tidak mencapai milestone berdasarkan cadangan permohonan yang telah diluluskan.

4.1.5 Sebarang perubahan/penambahbaikan terhadap kertas cadangan hanya boleh dibuat sebelum penghantaran Laporan Kemajuan kali pertama.

## 4.2 Laporan Kemajuan

Ketua penyelidik dikehendaki menghantar laporan kemajuan penyelidikan mereka setiap enam (6) bulan secara atas talian melalui sistem pengurusan Penyelidikan & Inovasi. Kegagalan untuk menghantar laporan kemajuan penyelidikan sepertimana yang dijadualkan akan menyebabkan aktiviti kewangan projek penyelidikan tersebut disekat.

## 4.3 Jawatankuasa Pemantau Khas (JPK)

4.3.1 Jawatankuasa Pemantau Khas (JPK)berperanan untuk menilai laporan kemajuan geran penyelidikan Skim Dana *Living Lab* dari aspek:

- (i) Prestasi projek
- (iii) Prestasi kewangan

4.3.2 Keahlian JPK adalah seramai empat (4) orang:

- (i) Pengerusi: Pengarah atau wakil PPP (bagi pemantauan prestasi kewangan)
- (ii) Ahli: 4 orang
  - Pengarah atau wakil Pusat Ecocampus (bagi pemantauan prestasi projek)
  - Sektor Kewangan PPP
  - Dua (2) ahli dari kalangan kakitangan akademik UMS
  - Setiausaha: pegawai gred 29 ke atas

4.3.3 Penghantaran laporan kemajuan adalah melalui sistem pengurusan Penyelidikan & Inovasi dengan perakuan FAPI dan dimajukan kepada JPK untuk pemantauan selanjutnya sebelum disahkan oleh PPP.

#### **4.4 Laporan Akhir**

Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar secara atas talian melalui sistem pengurusan Penyelidikan & Inovasi dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek tamat.

#### **4.5 Pengawalan Dan Penalti**

- 4.5.1. Pelaksanaan projek mesti dilakukan pada tahap etika dan integriti yang tinggi. Sebarang isu plagiarisme akan dikenakan penalti.
- 4.5.2. Setiap FAPI perlu memastikan semua projek perlu mencapai prestasi kewangan yang memuaskan berdasarkan milestone.
- 4.5.3. Prestasi Projek perlu mencapai bakat dan penerbitan seperti dalam cadangan yang telah diluluskan.
- 4.5.4. Pihak PPP boleh memberi Ketua Penyelidik tempoh tiga (3) bulan untuk mencapai prestasi milestone dan kewangan yang memuaskan bagi projek yang dikenal pasti lewat dari jadual/bermasalah.
- 4.5.5. Ketua Penyelidik bagi dana penyelidikan Skim Dana *Living Lab* yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenarai hitam bagi tempoh dua (2) tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu. Penyelidik bersama bagi dana penyelidikan Skim Dana *Living Lab* yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenarai hitam bagi tempoh enam (6) bulan sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu.

### **BAHAGIAN 5: LAIN-LAIN**

#### **5.1 Pengesahan oleh Dekan/Pengarah**

Pengesahan bagi aktiviti penyelidikan (kerja lapangan) termasuk proses kewangan projek mestilah melalui Dekan/Pengarah atau Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (P&I) FAPI semasa ketiadaan Ketua Jabatan masing-masing. Perkara ini adalah juga terpakai kepada pensyarah yang memegang jawatan pengurusan di jabatan lain. Jika Dekan/Pengarah adalah Ketua Projek, maka pengesahan mestilah melalui Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi atau Pengarah PPP.

#### **5.2 Pertukaran Ketua Projek/Pertambahan dan Pengguguran Ahli Projek**

Sebarang permohonan untuk menukar Ketua Projek, menambah atau menggugurkan ahli projek hendaklah dipohon secara bersurat melalui Ketua Jabatan FAPI masing-masing sebelum dimuat naik di dalam sistem pengurusan Penyelidikan & Inovasi.

#### **5.3 Pengecualian**

Walau apa pun yang dinyatakan dalam garis panduan ini, Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor boleh membuat pengecualian terhadap mana-mana perkara yang dinyatakan dalam garis panduan tertakluk selagi tidak menyalahi peruntukan undang-

undang di Malaysia.

## LAMPIRAN A

<b>Proses permohonan</b>	<b>PIC</b>
Penyelidik menghantar kertas kerja permohonan dana penyelidikan kepada PPP	Ketua Penyelidik
Mesyuarat penilaian permohonan dana penyelidikan oleh Jawatankuasa Panel Penilai Pengerusi: TNCPI Ahli: <ul style="list-style-type: none"><li>- Pengarah atau wakil Pusat EcoCampus</li><li>- Pengarah atau wakil PPP</li><li>- Pegawai Kewangan dari Jabatan Bendahari</li><li>- Ahli penilai UMS yang berjawatan Profesor Madya ke atas</li><li>- Setiausaha: pegawai gred 29 ke atas</li></ul>	PPP
Surat tawaran pemberian Dana <i>Living Lab</i> dikeluarkan kepada ketua penyelidik.	PPP
Ketua penyelidik mengisi permohonan Skim Dana <i>Living Lab</i> secara atas talian melalui sistem pengurusan Penyelidikan & Inovasi dan memuat naik surat tawaran dalam tempoh 2 minggu	Ketua Penyelidik

\*TNCPI: Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi

\*PPP: Pusat Pengurusan Penyelidikan

\*PIC: Person-In-Charged